

21/06/2001

Golongan muda perlu buktikan kesungguhan

aniza Idris; Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Golongan muda dalam Umno perlu membuktikan kesungguhan dan komitmen kepada agama, bangsa, negara dan parti, walaupun belum diberikan jawatan dalam parti atau kerajaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Jika kuat, bantu yang lemah; jika kaya, berkongsilah dengan yang miskin; jika berilmu, didiklah yang masih cetek pengetahuan; jika alim, bimbinglah yang jahil," kata Timbalan Presiden Umno itu.

Dalam ucapan perasmianya Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno hari ini, beliau berkata, masa dan ketika untuk golongan muda mengambil alih pimpinan parti dan negara akan sampai.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, tidak ada yang kekal di dunia ini dan `berpandulah kepada budaya bangsa - naik berjinjang, turun bertangga, usah dijolok buah dipohon, bila masak gugur sendiri'.

Katanya, generasi yang dewasa dalam era pra dan pasca merdeka bukan saja mempunyai ikatan yang kuat dengan Umno, malah mereka juga tidak mempunyai banyak pilihan ketika itu.

Sebaliknya, generasi hari ini mempunyai alternatif yang membolehkan mereka membuat perbandingan dan pilihan lain. Jika Umno gagal menyelami dan memahami gelombang perubahan itu, pendekatan Umno akan dilihat hambar dan gerak kerja Umno dipandang tidak bermaya.

"Wawasan Umno dianggap lapuk dan gagasan Umno disifatkan usang. Umno dirasakan tidak memenuhi aspirasi dan gagal memahami perubahan pemikiran rakyat," katanya.

Mengenai Pemuda Umno, beliau berkata, pergerakan itu mesti menepati potensi besar sebagai kumpulan penyerang yang akan berada di barisan hadapan jihad menentang musuh dan pengkhianat bangsa.

Beliau gembira dengan gerak kerja dan hala tuju yang semakin mantap yang ditunjukkan Pemuda serta menjadi harapan supaya ia dapat meletakkannya ke peringkat yang dihormati oleh kawan dan digeruni lawan.

"Sikap Pemuda pantang dicabar, tidak tunduk kepada ugutan, tidak mengundur dalam perjuangan. Inilah semangat pergerakan Pemuda ketika berada di barisan hadapan memperjuangkan kemerdekaan. Kepada Pemuda hari ini, warisilah semangat ini," katanya.

Abdullah turut menyarankan supaya Pemuda, Wanita dan Puteri Umno menubuhkan forum antara kaum dengan rakan komponen dalam Barisan Nasional (BN) untuk meningkatkan usaha perpaduan.

Katanya, program lebih berkesan dengan jadual perjumpaan lebih kerap wajar diadakan untuk berbincang secara bertanggungjawab dan berterus terang isu sensitif yang menyentuh hubungan kaum.

Beliau juga memuji semangat pengorbanan dan sifat setia ahli Wanita yang patut dijadikan contoh oleh ahli Umno keseluruhannya.

Katanya, dengan tertubuhnya Puteri Umno, wanita akan memainkan fungsi lebih besar dan berkesan kepada parti untuk menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

"Puteri Umno adalah saluran yang membolehkan Wanita dapat disuntik dengan tenaga baru untuk berkecimpung dalam parti pada peringkat lebih awal. Puteri Umno akan dapat memainkan peranan pelengkap kepada perjuangan kita.

"Bimbinglah mereka, semaikanlah mereka dengan semangat jati Umno. Bawalah mereka memahami erti perjuangan dan makna pengorbanan. Penubuhan Puteri Umno adalah satu inovasi pendekatan dalam hasrat dan kesungguhan

Umno memberi peluang kepada tenaga muda memainkan peranan aktif dalam parti dan politik," katanya.

Abdullah turut memberi jaminan bahawa Umno sama sekali tidak berhasrat mahu membatalkan kontrak sosial yang sudah termeterai. Persefahaman terhadap kebebasan beragama, bahasa ibunda dan kebudayaan masing-masing kaum seperti termaktub dalam Perlembagaan, akan terus dihormati.

Kepada umat Melayu, katanya, Umno berjanji akan tetap mempertahankan kepentingan bangsa dan kepada bukan Melayu, Umno berjanji dasar mempertahankan kedudukan Melayu tidak berniat menindas mereka.

Beliau turut mengkritik Pas kerana bersikap terbuka untuk melayan DAP walaupun dalam banyak perkara Pas dan DAP jauh berbeza. Dalam keghairahan meraih sokongan bukan Melayu, pemimpin Pas membayangkan mereka berpendirian lebih liberal terhadap tuntutan bukan Melayu.

"Jika Pas menggunakan agama untuk menipu umat Islam, Pas hendaklah jangan menggadaikan kedudukan Melayu untuk menipu orang bukan Melayu. Jangan bersandiwara dalam majlis yang dianjurkan orang bukan Melayu tetapi bila balik ke lubuk sendiri, lain pula nada dan bahasanya," katanya.

Abdullah juga berkata, kegagalan berkuasa semula di Kelantan, kehilangan kerajaan negeri di Terengganu, kemerosotan majoriti di Teluk Kemang dan kekalahan di Lunas sepatutnya memberikan cukup pengajaran dan menginsafkan ahli Umno betapa perlunya imej parti itu kembali menjadi sebuah parti gagah.

Namun, katanya, urusan pemilihan pemimpin tidak menunjukkan bahawa ahli Umno mengambil iktibar dan pengajaran secara serius dan peristiwa berlaku antara ahli hingga ada yang sampai ke tahap memalukan.

Beliau berkata, ini menunjukkan nasihat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin parti tidak dihayati sepenuhnya dengan terlimpahnya segala peringatan serta nasihat bagaikan air yang jatuh ke daun keladi.

"Pendekatan pencegahan sudah tidak berkesan lagi. Pendekatan pengubatan walaupun pahit perlu dikenakan. Pucuk pimpinan parti lalu mengambil ketetapan menubuhkan Lembaga Disiplin.

"Majlis Tertinggi dan jawatan pengurusan parti kini terlalu banyak menghabiskan masa untuk membincang kejadian yang tercetus pada peringkat cawangan dan bahagian.

"Fikiran yang sepatutnya ditumpukan bagi menghadapi isu lebih utama untuk kepentingan agama, negara dan bangsa teralih kepada masalah yang dicetuskan ahli parti. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan amat merugikan parti dan bangsa Melayu," katanya.

Abdullah berkata, jumlah besar ahli Umno tidak memberi makna jika ia kini bagaikan organisasi yang berpaksikan kabilah masing-masing.

"Bayangkan, betapa perkasanya parti jika seluruh sumber, tenaga, masa dan fikiran, dengan pelbagai muslihat dan helah yang digunakan dalam keghairahan berebut jawatan, dapat digabungkan untuk menghadapi lawan Umno yang sebenar.

"Saya yakin jika seluruh kegiatan parti dapat diuruskan untuk menghadapi lawan Umno, tidak ada parti politik lain yang dapat menyaingi kekuatan kita," katanya.